

**MAHATHIR-SEMINAR
(1)**

1980

IPOH, 24 MEI (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG MENGAJI KEMAJUAN INDUSTRI KECIL-KECILAN DI NEGARA INI UNTUK MENENTUKAN POTENSI BIDANG ITU SEPENUHNYA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEJAJAR DENGAN ITU, SEJAK KEBELAKANGAN INI USAHA TELAH DITUMPUKAN KEPADA PENGGALAKAN INDUSTRI-INDUSTRI SOKONGAN DAN SAMPINGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI PERANAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL-KECILAN DI SINI.

SEMINAR ITU DIANJURKAN OLEH DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN INDIA IPOH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENJELASKAN INDUSTRI SAMPINGAN DAN SOKONGAN IALAH PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL-KECILAN YANG MENAMPUNG KEPERLUAN BEBERAPA BUAH KILANG DALAM SATU ATAU LEBIH DARI SATU SEKTOR PERINDUSTRIAN. —BERSAMBUNG 1520/BY

B527

MAHATHIR-SEMINAR 2 IPOH

KATANYA, PERHATIAN YANG DITUNJUKAN OLEH DEWAN ITU KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI SEDEMIKIAN SANGAT MENEPATI TUJUAN DAN CITA-CITA KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA DISIASAT APAKAH KEPERLUAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG ADA SEKARANG DI PERAK DAN NEGERI-NEGERI LAIN DARI SEGI KEJURUTERAAN DAN KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN.

LANGKAH DEMIKIAN AKAN MEMBANTU MELETAKKAN ASAS BAGI INDUSTRI-INDUSTRI SAMPINGAN DAN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN SETERUSNYA.

+KITA TIDAK BOLEH LEKA DAN MENUNGGU SAHAJA INDUSTRI-INDUSTRI TERSEBUT MEMBANGUN ATAU MEMBIARKAN SAHAJA SYARIKAT-SYARIKAT YANG ADA TERUS MENGIMPORT BAHAN-BAHAN KOMPONEN MEREKA DARI SUMBER-SUMBER ASING+, KATANYA.

BELIAU MENAMBAH KATA, +BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN SEJUMLAH BESAR PERTUKARAN WANG ASING AKAN DAPAT DIHASILKAN OLEH MALAYSIA DENGAN MEMBANGUNKAN INDUSTRI-INDUSTRI SAMPINGAN DAN SOKONGAN+.

—BERSAMBUNG 1524/BY

MAHATHIR-SEMINAR 3 IPOH

79

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA INDIA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DALAM MEMBANGUNKAN INDUSTRI-INDUSTRI SEUMPAMA ITU. BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA DEWAN TERSEBUT MENGAMBIL KESEMPATAN DARI KELONGGARAN SYARAT-SYARAT KERAJAAN INDIA BERKAIT DENGAN PELABORAN PARA USAHAWAN NEGARA ITU KE LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEWAN ITU PATUT MENGANJURKAN LAWATAN ROMBONGAN PERDAGANGAN YANG TERDIRI DARI USAHAWAN BERBAGAI KAUM KE INDIA.

ATAUPUN, DEWAN ITU BOLEH MENGGALAKKAN PARA USAHAWAN INDIA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU MELAWAT MALAYSIA UNTUK MENINJAU SENDIRI PELUANG-PELUANG YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAPORAN BURUK TENTANG KEGAGALAN BEBERAPA PROJEK YANG DIMODALI OLEH SEGELINTIR USAHAWAN INDIA DI MALAYSIA TIDAK SEHARUSNYA MENDORONG NEGARA INI MENYEKAT PARA USAHAWAN INDIA YANG LAIN DATANG KE SINI. --BERSAMBUNG 1542/BY
MAHATHIR-SEMINAR 4 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL-KECILAN YANG DISEPADUKAN BOLEH MENJADI SUATU KUASA PENTING UNTUK MENYUBURKAN PERTUMBUHAN SEKTOR PERUSAHAAN, KERAJAAN AKAN YERUS MEMBANGUNKAN INDUSTRI-INDUSTRI TERSEBUT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

SEBUAH MAJLIS PENYELARAS TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENGGALAKKAN KEMAJUAN INDUSTRI-INDUSTRI BERKENAAN, KATANYA.

MAJLIS ITU DIPENGERUSIKAN OLEH PENASIHAT KHAS EKONOMI KEPADA PERDANA MENTERI, RAJA TAN SRI MOHAR BIN RAJA BADIOZAMAN.

PARA ANGGOTA MAJLIS TERDIRI DARI WAKIL MIDA, MARA, PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA, SIRIM, PERUNDING PERINDUSTRIAN MIDF, PERBADANAN JAMINAN KREDIT, BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA DAN BANK PERTANIAN.

PARA WAKIL DARI UNIT PERANCANG EKONOMI DAN UNIT PELAKSANAAN PEMBANGUNAN DAN PENYELARASAN JABATAN PERDANA MENTERI JUGA MENGGOTAI MAJLIS ITU. --BERNAMA 1553/BY